

Sebuah premis makanan kotor tutup, 69 lagi dikompaun

KAJANG - Keadaan dapur yang menjijikan serta meloyakan menyebabkan sebuah premis makanan di sekitar ibu negara dikenakan kompaun dan diberi notis penutupan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

DBKL dalam satu kenyataan semalam berkata, Operasi Sepadu Bersih itu dilaksanakan di sekitar Parlimen Lembah Pantai, Seputeh, Cheras, Bukit Bintang dan Segambut, di sini.

Katanya, sebanyak 88 premis terlibat dalam operasi itu yang mana sebanyak 19 daripada jumlah itu didapati tidak beroperasi atau tutup.

"Kita telah memeriksa 69 buah premis dan satu premis telah dikenakan tindakan ara-

han penutupan di bawah Seksyen (11) Akta Makanan 1983.

"Selain itu, sebanyak 69 kompaun telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016, Undang-undang Kecil Pengendali Makanan 1979 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

"Pelbagai kesalahan bersabit aspek kebersihan, petugas serta persekitaran premis telah dikenakan tindakan," katanya.

DBKL akan meneruskan tindakan seumpama ini dari semasa ke semasa bagi memastikan pengusaha premis makanan mematuhi kehendak kesihatan yang telah ditetapkan.



KEADAAN perangkap sisa buangan yang tidak diselenggara di sebuah restoran di Kuala Lumpur baru-baru ini.